



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERIPADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 27
No. 8

21hb April 1983

*TAMBAHAN No. 27
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 156.

**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967**

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (ROMANIA) 1983

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen (1) seksyen 132 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen (1) seksyen 65A Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat Perintah yang berikut:

*Akta 53.
45/67.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Romania) 1983.**

Nama.

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Republik Sosialis Romania dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubungan dengan cukai Malaysia dan cukai Romania (sebagaimana ditakrifkan mengenai tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah bermanfaat supaya perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

Pelepasan
cukai dua
kali.

JADUAL

(Perenggan 2)

**PERJANJIAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN
KERAJAAN REPUBLIK SOSIALIS ROMANIA UNTUK
MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI DAN MENCEGAH
PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI-
CUKAI ATAS PENDAPATAN**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Sosialis Romania berhasrat hendak membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan

cukai-cukai atas pendapatan dan dengan tujuan untuk menggalakkan dan mempereratkan hubungan ekonomi di antara kedua-dua negeri, telah bersetuju seperti berikut:

Artikel 1

BIDANG DIRI

Perjanjian ini adalah terpakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin satu daripada atau kedua-dua Negara Pejanji.

Artikel 2

CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI

1. Cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanjian ini ialah:
 - (a) berkenaan dengan Romania:
 - cukai ke atas pendapatan yang diperolehi oleh individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan perbadanan;
 - cukai ke atas keuntungan syarikat-syarikat bersama yang ditubuhkan dengan penyertaan pertubuhan-pertubuhan ekonomi Romania dan pekongsi-pekongsi asing;
 - cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti pertanian;
(kemudian dari ini disebut “cukai Romania”);
 - (b) berkenaan dengan Malaysia:
 - cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan;
 - cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai keuntungan timah, cukai pembangunan dan cukai keuntungan kayu; dan
 - cukai pendapatan petroleum:
(kemudian dari ini disebut “cukai Malaysia”).
2. Perjanjian ini juga terpakai bagi apa-apa cukai yang serupa atau yang sebahagian besarnya sama dengan cukai-cukai yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, cukai-cukai yang sedia ada. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu satu sama lain apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaian mereka masing-masing.

Artikel 3

TAKRIF AM

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
 - (a) istilah “Romania” ertinya wilayah Republik Sosialis Romania termasuk perairan wilayah dan pelantar benua dan juga mana-mana kawasan lain di luar perairan wilayah Romania di mana Romania menjalankan hak-hak kedaulatan, mengikut undang-undang antarabangsa dan mengikut undang-undangnya sendiri berkenaan dengan pencarigalian dan pengeksploitan hasil-hasil bumi, hasil-hasil pertanian dan hasil-hasil galian yang terdapat dalam perairan laut, dasar laut dan tanah tanih perairan ini;

- (b) istilah “Malaysia” ertinya Persekutuan Malaysia dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadan dengan perairan wilayah Malaysia yang, mengikut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian dari ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia berkenaan dengan Pelantar Benua sebagai suatu kawasan yang di dalamnya Malaysia boleh menjalankan hak-hak berkenaan dengan pencarigalian dan pengeksploitan hasil-hasil bumi, sama ada yang bernyawa atau tidak bernyawa, di dasar laut dan tanah tanih serta perairan superjasen;
- (c) istilah-istilah “suatu Negara Pejanji” dan “Negara Pejanji yang satu lagi itu” ertinya Romania atau Malaysia, sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya;
- (d) istilah “rakyat” ertinya:
 - (i) seseorang individu yang memiliki kewarganegaraan suatu Negara Pejanji;
 - (ii) mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian, persatuan dan lain-lain entiti yang memperoleh tarafnya sebagai sedemikian itu dari undang-undang yang berkuatkuasa di sesuatu Negara Pejanji;
- (e) istilah “orang” termasuklah seorang individu, suatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang lain yang disifatkan sebagai orang bagi maksud-maksud cukai;
- (f) istilah “syarikat” ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan termasuk suatu syarikat bersama yang diperbadankan di bawah undang-undang Romania atau sesuatu entiti yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud-maksud cukai;
- (g) istilah “cukai” ertinya cukai Malaysia atau cukai Romania sebagaimana dikehendaki oleh konteksnya;
- (h) istilah-istilah “enterprais suatu Negara Pejanji” dan “enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu” masing-masing ertinya sesuatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji dan sesuatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (i) istilah “lalulintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan oleh kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh enterprais suatu Negara Pejanji, kecuali jika kapal atau pesawat udara itu adalah dikendalikan semata-mata antara tempat-tempat dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (j) istilah “pihak berkuasa yang kompeten” ertinya:
 - (i) bagi Romania, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa;
 - (ii) bagi Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa;
- (k) istilah “subbahagian politik” adalah terpakai bagi Malaysia dan istilah “unit pentadbiran wilayah” adalah terpakai bagi Romania.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Pejanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan selainnya hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama seperti di bawah undang-undang Negara itu berhubungan dengan cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini.

Artikel 4

DOMISIL FISKAL

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini—

- (a) istilah “pemastautin bagi suatu Negara Pejanji” ertinya—
 - bagi Romania, seseorang yang menjadi pemastautin di Romania bagi maksud cukai Romania; atau
 - bagi Malaysia, seseorang yang menjadi pemastautin di Malaysia bagi maksud cukai Malaysia;
- (b) istilah-istilah “pemastautin bagi suatu Negara Pejanji” dan “pemastautin bagi Negara Pejanji yang satu lagi itu” ertinya seorang pemastautin Romania dan seorang pemastautin Malaysia, sebagaimana dikehendaki oleh konteksnya.

2. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan paragraf 1, seorang individu adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti berikut:

- (a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara di mana dia mempunyai tempat kediaman tetap yang boleh digunakan olehnya. Jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang boleh digunakan olehnya di kedua-dua Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan yang perlu);
- (b) jika Negara di mana dia mempunyai pusat kepentingannya yang perlu tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang boleh digunakan olehnya di mana-mana satu Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
- (c) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di mana-mana satu Negara itu, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara yang mana dia adalah seorang rakyat;
- (d) jika dia seorang rakyat bagi kedua-dua Negara atau bukan rakyat bagi mana-mana satu Negara itu, pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan soal itu dengan persetujuan bersama.

3. Jika, oleh sebab peruntukan-peruntukan paragraf 1, seseorang lain daripada seorang individu adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Pejanji, maka dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara di mana terletak tempat pengurusannya yang efektif.

Artikel 5

ESTABLISMEN TETAP

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “establismen tetap” ertinya suatu tempat perniagaan yang tetap di mana kesemua atau sebahagian dari perniagaan enterprais itu dijalankan.
2. Istilah “establismen tetap” adalah termasuk khususnya:
 - (a) suatu tempat pengurusan;
 - (b) suatu cawangan;
 - (c) suatu pejabat;
 - (d) suatu kilang;
 - (e) suatu woksypop;
 - (f) suatu lombong, suatu telaga minyak atau gas, suatu kuari atau lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi termasuk kayu atau lain-lain hasil keluaran hutan;
 - (g) suatu pemasangan atau struktur yang digunakan untuk mencarigali hasil bumi;
 - (h) suatu tapak bangunan atau binaan yang sedia ada selama lebih daripada dua belas bulan atau projek pemasangan yang sedia ada selama lebih daripada enam bulan;
 - (i) suatu kebun atau ladang.
3. Istilah “establismen tetap” tidak boleh disifatkan sebagai termasuk:
 - (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penstoran, pameran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu;
 - (b) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud penstoran, pameran atau penyerahan;
 - (c) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud diproses oleh suatu enterprais yang lain;
 - (d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan atau bagi mengumpul maklumat, untuk enterprais itu;
 - (e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pengiklanan, untuk memberi maklumat, bagi penyelidikan sains atau bagi aktiviti-aktiviti yang seumpamanya yang bersifat persediaan atau bersampingan, untuk enterprais itu.
4. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu establismen tetap dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu dan menjalankan perniagaan melalui establismen tetap itu jika ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara yang satu lagi itu selama lebih daripada enam bulan berkenaan dengan tapak bangunan, atau projek binaan, pemasangan atau pemasangan yang dijalankan dalam Negara yang satu lagi itu.

5. Seseorang (lain daripada seorang ejen yang bertaraf bebas yang baginya paragraf 6 dipakai) yang bertindak dalam suatu Negara Pejanji bagi pihak suatu enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah disifatkan sebagai suatu establismen tetap dalam Negara yang mula-mula disebut itu, jika:

- (a) dia mempunyai, dan lazimnya menjalankan dalam Negara yang mula-mula disebut itu, suatu kuasa bagi membuat kontrak bagi pihak enterprais itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu;
- (b) dia menyenggara dalam Negara yang mula-mula disebut itu suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu dari mana dia biasanya memenuhi pesanan enterprais itu.

6. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu establismen tetap dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata oleh kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang-orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka.

7. Hakikatnya bahawa sesuatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji adalah mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establismen tetap atau selainnya), tidak dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu establismen tetap bagi syarikat yang satu lagi itu.

Artikel 6

PENDAPATAN DARI HARTA TAKALIH

1. Pendapatan yang diperolehi dari harta takalih boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana terletak harta itu.

2. Istilah “harta takalih” hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Pejanji di mana terletak harta itu. Bagaimanapun istilah ini hendaklah termasuk harta yang menyertai harta takalih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan kehutanan, hak-hak yang baginya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah dipakai, menikmati harta takalih dan hak-hak terhadap bayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengusahakan, atau hak untuk mengusahakan, longgokan mineral, telaga minyak atau telaga gas, kuari-kuari dan lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi atau kayu atau lain-lain keluaran hutan. Kapal, bot dan pesawat udara tidak boleh dianggap sebagai harta takalih.

3. Peruntukan-peruntukan paragraf 1 adalah terpakai bagi pendapatan yang diperolehi dari penggunaan secara langsung, penyewaan atau penggunaan harta takalih dengan apa-apa cara lain.

4. Peruntukan-peruntukan paragraf 1 dan 3 adalah juga terpakai bagi pendapatan daripada harta takalih sesuatu enterprais dan bagi pendapatan daripada harta takalih yang digunakan bagi melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.

Artikel 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan sesuatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja melainkan jika enterprais itu menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika enterprais itu menjalankan perniagaan seperti yang tersebut di atas, keuntungan enterprais itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu tetapi hanya di atas sekian banyak daripada keuntungan itu yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.

2. Jika sesuatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam tiap-tiap satu Negara Pejanji dikaitkan dengan establismen tetap itu keuntungan yang dijangka mungkin diperolehi olehnya jika ia adalah suatu enterprais yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan menguruskan dengan sepenuhnya kebebasan enterprais yang mana ianya adalah suatu establismen tetap.

3. Pada menentukan keuntungan suatu establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan segala belanja, termasuk belanja menjalankan kerja dan pentadbiran am yang boleh dipotong jika establismen tetap itu ialah suatu enterprais bebas, setakat mana belanja itu boleh diperuntukkan secara munasabah kepada establismen tetap itu, sama ada dilakukan dalam Negara di mana terletaknya establismen tetap itu atau di tempat lain.

4. Tiada apa-apa jua keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establismen tetap semata-mata oleh sebab establismen tetap itu membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu.

5. Bagi maksud-maksud paragraf-paragraf di atas, keuntungan-keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap itu hendaklah ditentukan dengan cara yang sama tahun demi tahun melainkan jika ada sebab yang baik dan cukup sebaliknya.

6. Jika keuntungan-keuntungan termasuk butiran-butiran pendapatan yang diselenggarakan secara berasingan dalam Artikel-Artikel lain perjanjian ini, peruntukan-peruntukan Artikel-Artikel itu tidaklah terjejas oleh peruntukan-peruntukan dalam Artikel ini.

Artikel 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Pendapatan yang diperolehi oleh sesuatu enterprais suatu Negara Pejanji daripada pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji itu di mana terletaknya tempat pengurusan yang efektif bagi enterprais itu.

2. Peruntukan-peruntukan paragraf 1 adalah juga terpakai bagi pendapatan yang diperolehi dari penyertaan dalam suatu kumpulan, suatu perniagaan bersama atau suatu agensi pengendalian antara-bangsa.

Artikel 9

ENTERPRAIS BERSEKUTU

Jika —

- (a) suatu enterprais suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau
- (b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau secara tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji dan suatu enterprais bagi Negara Pejanji yang satu lagi itu,

dan dalam mana-mana satu hal itu syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan antara kedua-dua enterprais dalam hubungan perdagangan atau kewangan mereka yang berlainan daripada syarat-syarat yang akan dibuat antara enterprais bersendirian, maka apa-apa keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah terakru kepada satu daripada enterprais-enterprais itu tetapi, oleh kerana syarat-syarat itu, tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam keuntungan-keuntungan enterprais itu dan dikenakan cukai dengan sewajarnya.

Artikel 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.
2. Dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Romania kepada pemastautin Malaysia boleh dicukai di Romania mengikut undang-undang Romania, tetapi jika penerima itu ialah pemunya benefisial dividen itu, cukai yang dicaj sedemikian itu tidak boleh melebihi 10 peratus daripada amaun kasar dividen itu.
3. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Artikel ini, dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada pemastautin Romania yang menjadi pemunya benefisial dividen itu hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dicaj atas dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dicaj atas pendapatan syarikat itu.
4. Tiada apa-apa jua dalam paragraf yang terdahulu boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia yang mana cukai Malaysia telah atau disifatkan telah, dipotong boleh diselaraskan mengikut kadar cukai yang sesuai dengan tahun taksiran Malaysia selepas sahaja tahun taksiran dalam mana dividen itu telah dibayar.

5. Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan daripada Negara Pejanji yang satu lagi itu, maka tidaklah boleh dikenakan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu apa-apa bentuk percukaian atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu kepada orang-orang yang bukannya pemastautin Negara yang satu lagi itu, atau apa-apa cukai berbentuk cukai keuntungan takagih atas keuntungan takagih syarikat itu, sama ada atau tidak dividen atau keuntungan takagih itu merupakan, kesemuanya atau sebahagiannya, keuntungan atau pendapatan yang diperolehi itu.

6. Peruntukan-peruntukan paragraf 2, 3, 4 dan 7 tidaklah terpakai jika penerima benefisial dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, mempunyai di Negara Pejanji yang satu lagi itu di mana syarikat yang membayar dividen-dividen itu adalah pemastautin, suatu establismen tetap yang bersangkutan secara efektif dengan pemegangan yang oleh sebabnya dividen-dividen itu dibayar. Dalam hal yang demikian, peruntukan-peruntukan Artikel 7 adalah terpakai.

7. Jika selepas Perjanjian ini ditandatangani, sistem percukaian syarikat di Malaysia diubah dengan mengadakan cukai atas pendapatan atau keuntungan syarikat yang baginya tiada kredit cukai atau hanya sebahagian daripada kredit cukai diberi kepada pemegang-pemegang syernya dan cukai atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu, cukai Malaysia atas dividen yang dibayar oleh syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada pemastautin Romania yang adalah pemunya benefisialnya, tidak boleh melebihi 10 peratus daripada amaun kasar dividen itu.

8. Istilah “dividen” sebagaimana digunakan dalam Artikel ini ertinya pendapatan daripada syer atau hak, yang bukannya tuntutan hutang, kerana menyertai dalam keuntungan atau pendapatan dan juga pendapatan dari lain-lain hak perbadanan yang diasimilasikan dengan pendapatan dari syer mengikut undang-undang percukaian Negara Pejanji yang mana syarikat yang membuat pengagihan itu adalah seorang pemastautin.

Dalam konteks ini, keuntungan yang diagihkan oleh syarikat bersama yang diperbadankan di bawah undang-undang Romania kepada pemegang-pemegang syer adalah diasimilasikan dengan dividen.

Artikel 11

BUNGA

1. Bunga yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bunga itu boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana bunga itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima itu ialah pemunya benefisial kepentingan itu, maka cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan paragraf 2, bunga yang atasnya seseorang pemastautin Romania itu berhak menerima hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia jika pinjaman itu atau lain-lain keterhutangan yang mengenainya bunga itu dibayar adalah suatu pinjaman yang diluluskan atau pinjaman jangka panjang.

4. Peruntukan-peruntukan paragraf 2 dan 3 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial kepentingan itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji menjalankan, dalam Negara Pejanji yang satu lagi di mana bunga itu terbit, atau perniagaan melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya dan tuntutan hutang yang mengenainya bunga itu dibayar adalah berkaitan secara efektif dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Artikel 7 adalah terpakai.

5. Bunga hendaklah disifatkan terbit dalam suatu Negara Pejanji jika pembayarannya ialah Negara itu sendiri, suatu unit pentadbiran Wilayah, subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya atau pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, sama ada dia seorang pemastautin bagi suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai establismen tetap dalam suatu Negara Pejanji yang berkenaan dengannya hutang yang dari mana bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh establismen tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak.

6. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan pemunya benefisial atau antara kedua-dua mereka dengan seseorang lain, amaun bunga yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada tuntutan hutang yang baginya bunga itu dibayar, adalah melebihi amaun yang tentu akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial jika tidak ada perhubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Artikel ini adalah terpakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap kena dicukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara Pejanji itu, dengan memberi perhatian yang wajar kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

7. Istilah “bunga” sebagaimana yang digunakan dalam Artikel ini ertinya pendapatan dari sekuriti, bon atau debentur Kerajaan sama ada dicagarkan dengan cara gadai janji atau tidak, dan sama ada memberi hak untuk menyertai dalam keuntungan-keuntungan atau tidak, dan tiap-tiap jenis tuntutan hutang dan juga segala pendapatan lain yang diasimilasikan dengan pendapatan dari wang yang dipinjamkan mengikut undang-undang percukaian bagi Negara Pejanji di mana terbitnya pendapatan itu.

Artikel 12

ROYALTI

1. Royalti yang terbit dalam suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin bagi Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti itu boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana royalti itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerima itu ialah pemunya benefisial royalti itu, cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi 12 peratus daripada amaun kasar royalti itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan paragraf 2, royalti perindustrian yang diluluskan yang diperolehi daripada Malaysia oleh pemastautin Romania yang menjadi pemunya benefisial royalti itu hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia.

4. Istilah “royalti” sebagaimana digunakan dalam Artikel ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan bagi—

- (a) penggunaan, atau hak untuk mengguna apa-apa paten, cap dagangan, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, apa-apa hakcipta mengenai hasil kerja saintifik, atau kerana penggunaan atau hak untuk mengguna, kelengkapan perindustrian, perdagangan atau saintifik, atau kerana maklumat berkenaan dengan pengalaman perindustrian, perdagangan atau saintifik;
- (b) penggunaan, atau hak untuk mengguna, filem-filem cinematograf, atau pita-pita untuk siaran radio atau televisyen, atau apa-apa hak cipta mengenai karya sastera atau hasil kerja kesenian.

5. Istilah “royalti perindustrian yang diluluskan” ertinya royalti sebagaimana yang ditakrifkan dalam subparagraf 4 (a) yang diluluskan dan diperakui oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi Malaysia sebagai kena dibayar bagi maksud menggalakkan kemajuan perindustrian di Malaysia dan yang kena dibayar oleh sesuatu enterpris yang kesemuanya atau terutamanya mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam satu daripada kelas-kelas yang berikut:

- (a) pengilangan, pemasangan atau pemrosenan;
- (b) pembinaan, kejuruteraan awam atau pembinaan kapal; atau
- (c) elektrik, kuasa hidraulik, gas atau bekalan air.

6. Peruntukan-peruntukan paragraf 2 dan 3 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial royalti itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, mempunyai establismen tetap dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu di mana royalti itu terbit yang ada kaitannya secara efektif dengan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti itu terbit. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Artikel 7 adalah terpakai.

7. Royalti hendaklah disifatkan terbit dalam satu Negara Pejanji jika pembayarannya ialah Negara itu sendiri, suatu unit pentadbiran wilayah, suatu subbahagian politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya atau seorang pemastautin Negara itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti itu, sama ada dia seorang pemastautin bagi suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai establismen tetap dalam suatu

Negara Pejanji yang berkenaan dengannya liabiliti untuk membayar royalti itu telah dilakukan, dan royalti itu ditanggung oleh establismen tetap itu, maka royalti itu hendaklah disifatkan terbit dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak.

8. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dengan pemunya benefisial atau di antara kedua-dua mereka dengan seorang lain, amaun royalti yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang pasti akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Artikel ini adalah terpakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan hendaklah tetap kena cukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Perjanjian ini.

9. Royalti yang diperolehi oleh pemastautin Romania, iaitu royalti-royalti sewaan filem yang tertakluk kepada duti sewa filem cinematograf di Malaysia, tidak akan dikenakan cukai Malaysia.

Artikel 13

LABA MODAL

1. Laba daripada pemberian milik harta takalih, sebagaimana ditakrifkan dalam paragraf 2 Artikel 6 boleh dicukai dalam Negara Pejanji di mana terletaknya harta itu.

2. Laba daripada pemberian milik harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan suatu establismen tetap yang dipunyai oleh suatu enterprais bagi suatu Negara Pejanji dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu atau laba daripada pemberian milik harta alih berkenaan dengan suatu asas tetap yang disediakan kepada seorang pemastautin bagi suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi itu bagi maksud melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan profesional, termasuk apa-apa laba daripada pemberian milik suatu establismen tetap itu (establismen itu sahaja atau bersama-sama dengan keseluruhan enterprais itu) atau daripada pemberian milik suatu asas tetap boleh dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan paragraf 2, laba daripada pemberian milik kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh enterprais suatu Negara Pejanji dalam lalulintas antarabangsa dan harta alih berhubung dengan pengendalian kapal atau pesawat udara itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara di mana tempat urusan yang efektif bagi enterprais itu terletak.

4. Laba daripada pemberian milik apa-apa harta lain daripada harta yang tersebut dalam paragraf 1, 2 dan 3 hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji di mana pemberi milik itu adalah seorang pemastautin.

Artikel 14**PERKHIDMATAN DIRI YANG BEBAS**

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin bagi suatu Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan profesional atau aktiviti-aktiviti bebas lain yang serupa sifatnya hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji itu sahaja. Walau bagaimanapun, dalam hal-hal keadaan yang berikut, pendapatan itu boleh dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu:

- (a) jika dia tinggal dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah sebanyak atau melebihi pada kesemuanya 183 hari dalam tahun kalendar yang berkenaan itu; atau
- (b) jika saraan bagi perkhidmatannya dalam Negara yang satu lagi itu diperolehi dari pemastautin Negara Pejanji itu atau ditanggung oleh establismen tetap dalam Negara itu yang dipunyai oleh seseorang yang bukan pemastautin dalam Negara itu dan yang, dalam mana-mana satu hal tidak melebihi 4,000 ringgit Amerika Syarikat dalam tahun kalendar yang berkenaan, walaupun dia tinggal dalam Negara itu selama tempoh atau tempoh-tempoh berjumlah sebanyak kurang daripada 183 hari di sepanjang tahun kalendar itu.

2. Istilah “perkhidmatan profesional” termasuk khususnya aktiviti-aktiviti saintifik, kesusasteraan, seni, pengajian atau pengajaran bebas dan juga aktiviti-aktiviti bebas bagi seseorang doktor, peguam, jurutera, arkitek, doktor gigi dan akauntan.

Artikel 15**PERKHIDMATAN DIRI TAK BEBAS**

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Artikel 16, 17, 18, 19, 20 dan 21 gaji, upahan dan lain-lain saraan serupa itu yang diperolehi oleh pemastautin bagi suatu Negara Pejanji berkenaan dengan sesuatu pekerjaan hendaklah kena dicukai hanya dalam Negara itu melainkan jika pekerjaan itu dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu. Jika pekerjaan itu dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu, maka apa-apa saraan yang diperolehi daripadanya hendaklah dicukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Walau apa pun peruntukan-peruntukan paragraf 1, saraan yang diperolehi oleh pemastautin bagi suatu Negara Pejanji berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara yang mula-mula disebut itu, jika—

- (a) penerimaannya berada dalam Negara yang satu lagi selama tempoh atau tempoh-tempoh yang jumlah kesemuanya tidak melebihi 183 hari dalam tahun kalendar yang berkenaan itu;
- (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak seorang majikan yang bukannya pemastautin bagi Negara yang satu lagi itu; dan
- (c) saraan itu tidak ditanggung oleh establismen tetap yang dipunyai oleh majikan dalam Negara yang satu lagi itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan yang terdahulu dalam Artikel ini, saraan berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau pesawat udara enterprais suatu Negara Pejanji sebagaimana yang dinyatakan dalam paragraf 1 Artikel 8 boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja.

Artikel 16

FEE PENGARAH

Walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Artikel 14 dan 15, fee pengarah dan bayaran-bayaran serupa itu yang diperolehi oleh pemastautin bagi suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai anggota lembaga pengarah sesuatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu boleh dikenakan dalam Negara yang satu lagi itu.

Artikel 17

SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN

1. Walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Artikel 14 dan 15, pendapatan yang diperolehi oleh penghibur-penghibur awam, (seperti artis pentas, wayang gambar, radio atau televisyen, dan ahli muzik) atau olahragawan, dari aktiviti-aktiviti persendirian mereka sedemikian hendaklah dikenakan dalam Negara Pejanji di mana aktiviti-aktiviti itu dijalankan.

2. Jika aktiviti-aktiviti persendirian yang tersebut dalam paragraf 1 diadakan dalam suatu Negara Pejanji oleh enterprais Negara Pejanji yang satu lagi itu, keuntungan-keuntungan yang diperolehi daripada mengadakan aktiviti-aktiviti itu oleh enterprais seperti itu boleh dikenakan dalam Negara yang mula-mula disebut itu.

3. Walaupun apa pun peruntukan-peruntukan paragraf 1 dan 2, saraan atau keuntungan yang diperolehi dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam suatu Negara Pejanji oleh penghibur awam atau olahragawan hendaklah dikecualikan dari cukai dalam Negara itu jika lawatan ke Negara itu dibuat di bawah suatu rancangan pertukaran yang dipersetujui antara Kerajaan kedua-dua Negara Pejanji atau unit pentadbiran wilayah, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Artikel 18

PENCEN DAN ANUITI

1. Apa-apa pencen (selain daripada pencen dari jenis yang tersebut dalam paragraf 2 Artikel 20) atau apa-apa anuiti yang diperolehi oleh seseorang individu yang menjadi pemastautin bagi suatu Negara Pejanji dari Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara yang mula-mula tersebut itu.

2. Istilah “anuiti” ertinya sejumlah wang tertentu yang dikenakan dibayar secara berkala pada masa-masa tertentu, sepanjang hayat atau sepanjang tempohmasa yang tertentu atau yang boleh ditentukan, yang berkewajipan membuat bayaran menggantikan balasan yang cukup dan sepenuh dengan wang atau yang boleh dinilai dengan wang.

Artikel 19**PENUNTUT**

1. Seseorang individu yang menjadi pemastautin bagi suatu Negara Pejanji dan berada untuk sementara dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata:

- (a) sebagai penuntut di universiti, kolej atau sekolah di Negara yang satu lagi itu;
- (b) sebagai perantis perniagaan atau teknik; atau
- (c) sebagai penerima pemberian, elaun atau award pelatih bagi maksud yang terutama untuk menjalankan pengajian atau penyelidikan,

hendaklah dikecualikan dalam Negara yang satu lagi itu, daripada apa-apa cukai pendapatan berkenaan dengan remitan-remitan dari luar negeri bagi maksud-maksud saraan hidup, pelajaran atau latihannya atau berkenaan dengan sesuatu pemberian biasiswa. Individu itu akan juga dikecualikan daripada apa-apa cukai pendapatan selama tempoh dua tahun berkenaan dengan apa-apa saraan yang diterima bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dijalankan sebagai pekerja dalam Negara yang satu lagi itu, dengan syarat bahawa perkhidmatan-perkhidmatan itu ada kaitan dengan pengajian atau latihan amalinya atau perlu bagi maksud saraan hidupnya.

Artikel 20**FUNGSI-FUNGSI KERAJAAN**

1. (a) Saraan, lain daripada pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau suatu unit pentadbiran wilayah suatu subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, kepada seseorang individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu atau suatu unit pentadbiran wilayah, suatu subbahagian politik pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah kena dicukai hanya dalam Negara itu.

(b) Walau bagaimanapun, saraan itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu jika perkhidmatan-perkhidmatan itu diberi dalam Negara itu dan penerima itu adalah seorang pemastautin bagi Negara itu dan dia:

- (i) adalah rakyat Negara itu; atau
- (ii) tidak menjadi pemastautin Negara itu semata-mata bagi maksud melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan itu.

2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh atau daripada kumpulan wang diadakan oleh suatu Negara Pejanji atau suatu unit pentadbiran wilayah, suatu subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada seseorang individu berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu atau suatu unit pentadbiran wilayah, suatu subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara itu sahaja.

3. Peruntukan-peruntukan Artikel 14, 15, 16 dan 18 adalah terpakai bagi saraan atau pencen berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi berhubungan dengan apa-apa tred atau perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau suatu unit pentadbiran wilayah, suatu subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Artikel 21

PROFESOR DAN GURU

1. Seseorang individu yang, atas jemputan sesuatu universiti, kolej, sekolah atau lain-lain institusi pelajaran yang diiktiraf seumpamanya dalam suatu Negara Pejanji, melawat Negara itu selama tempoh tidak melebihi dua tahun semata-mata bagi maksud mengajar atau membuat penyelidikan atau kedua-duanya di institusi pelajaran itu dan yang menjadi, atau telah menjadi sebelum sahaja lawatan itu, seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara yang mula-mula tersebut itu atas apa-apa saraan bagi mengajar atau membuat penyelidikan yang berkenaan dengannya dia dikenakan cukai dalam Negara yang satu lagi itu.

2. Artikel ini tidaklah terpakai bagi pendapatan dari penyelidikan jika penyelidikan itu dijalankan terutamanya bagi faedah diri seseorang atau orang-orang tertentu.

Artikel 22

PENDAPATAN YANG TIDAK DISEBUTKAN DENGAN NYATA

Butiran-butiran pendapatan pemastautin bagi suatu Negara Pejanji yang tidak disebutkan dengan nyata dalam Artikel-Artikel yang terdahulu dalam Perjanjian ini hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Pejanji itu sahaja kecuali jika pendapatan itu diperolehi dari Negara Pejanji yang satu lagi itu, pendapatan itu boleh juga dicukai dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu.

Artikel 23

CARA-CARA MENGHAPUSKAN CUKAI DUA KALI

1. Undang-undang yang berkuatkuasa dalam salah satu Negara-Negara Pejanji hendaklah terus mengawal percukaian pendapatan dalam Negara-Negara Pejanji itu masing-masing kecuali jika peruntukan-peruntukan nyata yang berlawanan dibuat dalam Perjanjian ini. Jika pendapatan adalah tertakluk kepada cukai dalam kedua-dua Negara, pelepasan daripada cukai dua kali hendaklah diberi mengikut paragraf-paragraf yang berikut:

2. Berkenaan dengan Romania, cukai-cukai yang dibayar di Malaysia oleh seseorang pemastautin Romania atas pendapatan di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini hendaklah dipotong dari cukai-cukai Romania yang kena dibayar, tetapi dengan amaun yang tidak melebihi bahagian cukai Romania yang pendapatan itu berbanding dengan kesemuanya pendapatan yang boleh dicajkan kepada cukai Romania. Keuntungan yang dibayar oleh enterprais Negara Romania kepada belanjawan Negara hendaklah, dalam Artikel ini, disifatkan sebagai cukai Romania.

3. Bagi maksud paragraf 2 istilah “cukai Malaysia yang kena dibayar” hendaklah disifat termasuk:

- (a) berkenaan dengan dividen yang diterima dari suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia, apa-apa amaun yang tetap kena dibayar sebagai cukai Malaysia kalau tidak kerana pengecualian daripada cukai yang diberi di bawah undang-undang Malaysia berhubung dengan insentif bagi menggalakkan kemajuan ekonomi di Malaysia yang berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani atau apa-apa peruntukan lain yang mungkin kemudiannya diperkenalkan di Malaysia sebagai mengubahsuaikan, atau sebagai tambahan kepada, undang-undang itu setakat mana dipersetujui oleh pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara Pejanji itu sebagai serupa sifat pada sebahagian besarnya;
- (b) bunga yang baginya paragraf 3 Artikel 11 dipakai, jika bunga itu tidak dikecualikan daripada cukai Malaysia mengikut paragraf itu; dan
- (c) royalti-royalti perindustrian yang diluluskan yang baginya paragraf 3 Artikel 12 dipakai, jika royalti-royalti tidak dikecualikan daripada cukai Malaysia mengikut paragraf itu.

4. Bagi maksud-maksud paragraf 2, jika royalti-royalti yang diperolehi oleh seorang pemastautin Romania adalah, seperti sewaan filem, tertakluk kepada duti sewa filem cinematograf

5. di Malaysia, duti itu hendaklah disifatkan sebagai cukai Malaysia.

6. Berkenaan dengan Malaysia, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia mengenai kebenaran sebagai kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar dalam mana-mana negeri selain daripada Malaysia, cukai Romania yang kena dibayar di bawah undang-undang Romania dan mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, sama ada secara langsung atau secara potongan, (tidak termasuk mengenai dividen, cukai yang kena dibayar berkenaan dengan keuntungan yang darinya dividen itu dibayar) oleh seorang pemastautin Malaysia berkenaan dengan pendapatan dari sumber-sumber dalam Romania yang telah dikenakan cukai di kedua-dua negara Romania dan Malaysia boleh dibenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu, tetapi dengan amaun yang tidak melebihi bahagian cukai Malaysia yang pendapatan itu berbanding dengan kesemuanya pendapatan yang boleh dicajkan kepada cukai Malaysia.

Artikel 24

TANPA BEZA MEMBEZA

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidak boleh dikenakan dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu apa-apa percukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya, yang mana adalah berlainan atau lebih berat daripada percukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas rakyat Negara Pejanji yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama.

2. Percukaian ke atas establismen tetap yang dipunyai oleh enterprais bagi suatu Negara Pejanji dalam Negara Pejanji yang satu lagi itu tidak boleh dilevi secara yang kurang adil dalam Negara yang satu lagi itu daripada percukaian yang dilevi ke atas enterprais-enterprais Negara yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama.
3. Enterprais-enterprais suatu Negara Pejanji, yang mana kesemua atau sebahagian modalnya dimiliki atau dikawal, secara langsung atau secara tak langsung, oleh seorang atau beberapa orang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu, tidak boleh dikenakan, dalam Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu, apa-apa percukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya, yang mana adalah berlainan atau lebih berat daripada percukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas enterprais lain yang serupa bagi Negara yang mula-mula disebut itu.
4. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Artikel ini, boleh ditafsirkan sebagai mengharuskan salah satu Negara Pejanji supaya memberi kepada individu-individu bukan pemastautin dalam Negara Pejanji itu apa-apa elaun diri, relif dan pengurangan bagi maksud-maksud cukai yang diberi kepada individu-individu yang adalah pemastautin seperti itu.
5. Dan lagi tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Artikel ini boleh ditafsirkan sebagai mengharuskan suatu Negara Pejanji supaya memberi kepada rakyat Negara Pejanji yang satu lagi yang bukan pemastautin dalam Negara yang mula-mula disebut itu elaun diri, relif dan pengurangan bagi maksud-maksud cukai yang di sisi undang-undang boleh pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani diberi hanya kepada rakyat Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu atau kepada mana-mana orang lain yang dinyatakan dalamnya yang bukan pemastautin dalam Negara itu.
6. Dalam Artikel ini istilah “percukaian” ertinya cukai-cukai yang menjadi hal perkara Perjanjian ini.

Artikel 25

PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika seorang pemastautin bagi suatu Negara Pejanji berpendapat bahawa tindakan-tindakan satu daripada Negara Pejanji atau kedua-duanya adalah atau akan mengakibatkan dirinya dicukai tidak mengikut Perjanjian ini, dia boleh, walau apa pun remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang percukaian bagi Negara-Negara itu, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara Pejanji itu yang dia menjadi pemastautin.
2. Pihak berkuasa yang kompeten hendaklah berusaha, jika ia berpendapat bahawa bantahan itu adalah berpatutan dan jika ia sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang sesuai, menyelesaikan kes itu dengan cara persetujuan bersama dengan pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara Pejanji yang satu lagi itu, dengan tujuan untuk mengelakkan percukaian yang tidak mengikut Perjanjian ini.

3. Pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara Pejanji hendaklah berusaha menyelesaikan dengan cara persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang timbul mengenai pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini.

4. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara Pejanji boleh berhubung secara langsung antara satu sama lain bagi maksud mencapai persetujuan mengikut pengertian paragraf-paragraf yang terdahulu itu.

Artikel 26

BERTUKUR-TUKAR MAKLUMAT

1. Pihak-pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar apa-apa maklumat sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini dan untuk mengelak atau mengesan pelarian atau pengelakan cukai yang menjadi hal perkara dalam Perjanjian ini. Apa-apa maklumat yang ditukar sedemikian hendaklah disifatkan sebagai rahsia dan boleh dizahirkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa, termasuk mahkamah atau badan pentadbir yang terlibat dalam hal pentaksiran, pungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan mengenai cukai-cukai atau keputusan rayuan yang berhubungan dengannya.

2. Peruntukan-peruntukan paragraf 1 tidak sekali-kalinya boleh ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas suatu Negara Pejanji itu tanggungan—

- (a) untuk menjalankan langkah-langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang atau amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (b) untuk memberi butir-butir yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (c) untuk memberi maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia tred, perniagaan, perindustrian, perdagangan atau profesional atau proses tred, atau maklumat yang penzahirannya adalah bertentangan dengan polisi awam.

Artikel 27

KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK DAN KONSUL

Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan fiskal pegawai-pegawai diplomatik atau konsul di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.

Artikel 28

MULA BERKUATKUASA

1. Perjanjian ini hendaklah disahkan dan suratcara-suratcara pengesahan itu hendaklah dipertukar-tukarkan di Bucharest dengan seberapa segera yang boleh.

2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa setelah bertukar-tukar suratcara pengesahan dan hendaklah mempunyai kuatkuasa berkenaan dengan pendapatan yang terbit pada atau selepas satu haribulan Januari dalam tahun yang berikutan dengan tahun dalam mana pertukaran suratcara pengesahan itu berlaku.

Artikel 29

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa selama tempoh yang tidak dinyatakan tetapi salah satu daripada Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian ini melalui saluran-saluran diplomatik dengan memberi kepada Negara Pejanji yang satu lagi itu, notis penamatan pada atau sebelum 30 haribulan Jun dalam mana-mana tahun kalendar mulai dari tahun kelima selepas tahun dalam mana Perjanjian ini mula berkuatkuasa. Dalam hal yang demikian, Perjanjian ini adalah terhenti daripada berkuatkuasa berkenaan dengan pendapatan yang terbit pada atau selepas satu haribulan Januari dalam tahun yang berikutan dengan tahun dalam mana notis penamatan itu diberi.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

Diperbuat dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 26 haribulan November 1982, tiap-tiap satunya dalam Bahasa Romania, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan ketiga-tiga teks itu adalah sama sahinya. Jika terdapat apa-apa perselisihan tentang pentafsiran, maka teks Inggeris hendaklah mengatasi.

Bagi pihak Kerajaan
Malaysia

Bagi pihak Kerajaan
Republik Sosialis Romania

PROTOKOL

Pada masa menandatangani Perjanjian antara Kerajaan Republik Sosialis Romania dan Kerajaan Malaysia bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-cukai atas Pendapatan, yang bertandatangan di bawah ini telah bersetuju bahawa peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah menjadi sebahagian integral bagi Perjanjian ini.

2. Berkaitan dengan Artikel 10 “Dividen”

Jika, bagi maksud-maksud Artikel VII Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-cukai atas Pendapatan yang ditandatangani di Singapura pada 26 haribulan Disember 1968—

